



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"CINTAI NEGARA - MENYELAMI PERMATA BERHARGA"

27 Ogos 2021 / 18 Muharram 1443

الْحَمْدُ لِلّٰهِ¹ الْقَائِلِ:

لَقَدْ كَانَ لِسَبَّا فِي مَسْكَنَهُمْ أَيَّةً^٢ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينِ وَشَمَائِلِ^٣ كُلُّوْمِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ بَلَدَهُ^٤
طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ^٥

Maksudnya: Demi sesungguhnya, bagi penduduk negeri Saba' satu tanda (yang membuktikan kasih sayang Allah) di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada Nya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun!"

(Surah Saba' ayat 15)

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ^٣ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِنِّيكُمْ وَإِيَّاهُ
يُتَّقْوَى اللَّهُ^٤ فَقْدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.^٥

Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah serta meninggalkan segala larangan Nya, mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan insan yang sentiasa mendapat rahmat, petunjuk serta keredaan Ilahi baik di dunia begitu juga di akhirat.

Sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-64, yang bertemakan "Malaysia Prihatin", mimbar pada hari ini akan menyampaikan khutbah bertajuk: "**Cintai Negara – Menyelami Permata Berharga**"

¹ Memuji Allah

² Ayat Al-Quran

³ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁴ Pesan Taqwa



‘Malaysia Prihatin’ adalah tema yang dipilih bagi sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini. Pemilihan tema ini melambangkan keprihatinan kerajaan terhadap komposisi rakyat Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum, menganut pelbagai agama, mewarisi pelbagai budaya dan menguasai pelbagai bahasa.

Malaysia Prihatin ini wajar diperluaskan tafsirannya yang memerlukan semua warga Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum, agama, budaya dan bahasa, prihatin terhadap sejarah tanah air. Dengan mempelajari, memahami, menghayati dan menghormati sejarah negara ini, akan dapat membantu penyatuan dan perpaduan warga, agar menjadi warga yang bersatu teguh, menumpahkan ketaatsetiaan kepada raja dan negara, dalam semangat di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu diisyiharkan pada jam 9.30 pagi, 31 Ogos 1957 dengan laungan tujuh kali ‘MERDEKA’ oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-haj, disambut oleh ribuan rakyat yang hadir di Stadium Merdeka. Laungan ‘MERDEKA’ turut bergema di seluruh pelosok tanah air.

Laungan ‘MERDEKA’ disusuli dengan seruan azan, melambangkan Islam sebagai agama rasmi negara yang baru merdeka, diikuti pula dengan acara menaikkan bendera Persekutuan Tanah Melayu, seiring dengannya berkumandang lagu kebangsaan, ‘Negaraku’. Seratus satu das tembakan meriam dilepaskan menandakan Persekutuan Tanah Melayu telah menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Mencintai negara dan watan adalah perkara yang amat dituntut dalam Islam. Nabi Muhammad SAW terbukti menunjukkan rasa cinta kepada watan. Dalam peristiwa hijrah dari Mekah ke Madinah, ketika berdiri di sempadan kota Mekah, sambil melihat dengan perasaan hiba, Baginda lalu bersabda:

مَا أَطْبَكِ مِنْ بَلَدٍ، وَأَحَبَّكِ إِلَيَّ، وَلَوْ لَا أَنَّ قَوْمِي أَخْرَجُونِي مِنْكِ مَا سَكَنْتُ غَيْرَكِ

Maksudnya: Alangkah baiknya engkau (wahai Kota Mekah) sebagai negeri dan betapa cintanya aku terhadap mu. Seandainya kaum ku tidak mengusir ku daripada mu, nescaya aku tidak akan tinggal di kota selain mu. (Riwayat At-Tirmidzi 3926)



Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Acara pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dilengkapi dengan bacaan doa, dipimpin oleh Mufti Negeri Sembilan, Syeikh Ahmad Mohd Said. Doa pertama yang dipohon kepada Ilahi sebaik sahaja negara diisyiharkan merdeka mengandungi perkara-perkara berikut:

Ya Allah! Anugerahkan taufik kepada sekalian pentadbir awam, jemaah menteri, para sultan dan raja, serta pemimpin negara bagi memelihara kehendak-kehendak agama, memelihara hak keistimewaan umatnya, menegakkan keadilan dalam undang-undang dan berpegang kepada keindahan Islam.

Ya Allah! Jadikan mereka agen perubahan hal keadaan orang-orang Melayu, agar bangsa ini meningkat maju dan ke hadapan sehingga tercapai cita-cita yang diidam-idamkan.

Ya Allah! Bantulah bangsa Melayu, bimbinglah serta jadikanlah kami menjadi sebaik-baik manusia. Tunjukkanlah kami jalan yang lurus, jalan yang telah Engkau kurniakan kepada umat Islam yang telah menikmatinya, bukan sebagaimana orang yang Engkau murkai dan bukan juga orang yang sesat.

Ya Allah! Hindarilah kami daripada sebarang kesusahan, sejahterakanlah kami daripada segala yang boleh memudaratkan, peliharalah kami daripada segala buruk lagi keji dan tunaikanlah segala yang diharap dan dihajati. Harmonikanlah antara kami dan bangsa lain selain kami, hingga kami sentiasa dalam keamanan dan keselamatan. Bebaskanlah kami dengan segera daripada segala kepayahan dengan rahmat Mu, wahai Tuhan yang Maha Merahmati segala yang penyayang.

Ya Allah! Jadikan bagi bangsa kami, kaum yang lain dan negara ini penjaga daripada segala bala, yang menghalang kami dan mereka daripada sebarang pencerobohan. Bantulah kami menewaskan segala musuh dan orang yang dengki. Zahirkanlah kemarahan Mu dan kemurkaan Mu kepada orang yang melampau dan orang yang melakukan kerosakan.

Ya Allah! Awaslah dengan penglihatan Mu yang tidak pernah lena dan bentengilah dengan perlindungan dan benteng Mu yang tidak mudah diterima.



Muslimin yang dirahmati Allah,

Ketika berada diambang sambutan ulang tahun hari kemerdekaan kali ke-64, marilah kita imbas, permata berharga, ia itu, perkara-perkara yang terkandung dalam doa yang dipohon pada pagi bersejarah pengisytiharan kemerdekaan negara;

Pertama: Memohon Allah limpahkan taufik kepada para pemimpin untuk memelihara kehendak-kehendak agama, memelihara hak keistimewaan umatnya, serta menegakkan keadilan berpandukan undang-undang dan berpegang kepada Islam.

Kedua: Memohon bimbingan agar bangsa Melayu menjadi sebaik-baik manusia dengan ditunjukkan jalan yang lurus.

Ketiga: Dipohonkan kesejahteraan untuk rakyat dan dihindari daripada kesusahan, keburukan dan kemudaratan.

Keempat: Mendoakan terjalin keharmonian hubungan antara kaum agar negara berada dalam aman dan selamat.

Kelima: Dipohonkan orang Melayu juga kaum lain, secara bersama dapat menewaskan musuh, dan negara ini dilindungi daripada bala dan pencerobohan.

Keenam: Memohon sebesar-besarnya perlindungan daripada Ilahi.

Semoga perkara-perkara yang dipohon dalam doa 64 tahun yang lalu, dijadikan iktibar untuk menautkan hubungan kasih antara pemimpin dan rakyat, dalam hasrat muahu mempertahankan keamanan, kemakmuran dan kedaulatan sebuah negara merdeka, berpandukan contoh kepimpinan Rasulullah SAW yang begitu prihatin kepada nasib ummah, melimpahkan kasih sayang dan melakukan pengorbanan hingga memungkinkan Islam berjaya tersebar luas.

Firman Allah SWT di dalam surah Ali Imran ayat 159:

فِيمَا رَحْمَةٌ مِّنَ اللَّهِ لِنَتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًا غَلِيلًا لِّلْقَلْبِ لَا نَفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ
وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ



Maksudnya: Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepada mu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikut mu), dan kalaularang engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari daripada keliling mu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadap mu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakal kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepada Nya.

(Surah Ali Imran ayat 159)

Semoga Allah SWT melimpahi negara kita dengan rahmat Nya, menjadi sebuah negara yang baik, aman dan makmur seperti yang digambarkan dalam ayat 15, Surah Saba; para pemimpin pula sentiasa mendapat taufik dan hidayah, serta rakyat terus menikmati keamanan dan kerahmatan.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ
مِتْيٍ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ الْلَّطِيفِ بِعِبَادِهِ، الْعَلِيمِ بِخَلْقِهِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ رَسُولِ
اللَّهِ الرَّءُوفِ بِأَمْمِتِهِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁶ وَعَلَى أَهْلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كثِيرًا أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁷ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa



Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar beristiqamah berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama makhluk. Imarahkanlah rumah-rumah Allah SWT dengan mengerjakan ibadah dan solat fardu secara berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوًا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا⁸
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ⁹، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ انْصُرِ الإِسْلَامَ
وَالْمُسْلِمِينَ خُصُوصًا فِي فَلَسْطِينِ، وَفِي كُلِّ مَكَانٍ وَفِي كُلِّ رَمَانٍ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ،
وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَبِرُّوسَ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمَحْنَ، وَالْفِتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ،
عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانِ عَامَّةً.

Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran serta dihindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعْلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴿. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى
نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

⁸ Ayat Al-Quran

⁹ Doa Untuk Kaum Muslimin